

Sel. P.U. 48.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN  
(MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA) 1999SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECILUndang-undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Takrif.
3. Kesihatan awam.
4. Mengecat semula bangunan.
5. Melakukan kekotoran.
6. Kekotoran daripada kenderaan sebagainya.
7. Penahanan barang.
8. Perbelanjaan.
9. Gantirugi.
10. Kuasa menangkap.
11. Kesalahan.
12. Kompaun.
13. Teks sah.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN  
(MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA) 1999

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Petaling Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang kecil ini boleh dinamakan **Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1999** dan hendaklah dipakai untuk kawasan majlis Perbandaran Petaling Jaya sahaja.

Takrif.

2. (1) Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” bermakna Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“alat” termasuk jentera dan mesin;

“bangunan” termasuk bangunan yang dimiliki oleh Majlis, Kerajaan atau swasta;

“kekotoran” bermakna perkara-perkara yang pada pendapat Yang Dipertua, meliputi perkara-perkara yang boleh menimbulkan atau mendatangkan sesuatu keadaan yang kotor kepada keadaan sekelilingnya;

“kesihatan awam” bermakna sesuatu keadaan yang pada pendapat Yang Dipertua, adalah termasuk di bawah perkara yang berhubung dengan hal kesihatan awam;

“Majlis” bermakna Majlis Perbandaran Petaling Jaya;

“Pegawai Kesihatan” bermakna Pegawai Kesihatan Majlis atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Yang Dipertua bagi menjalankan tugas-tugas seorang Pegawai Kesihatan;

“Yang Dipertua” bermakna Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Kesihatan awam.

3. (1) Yang Dipertua boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada dan menetapkan apa-apa syarat untuk dipatuhi oleh mana-mana orang supaya memelihara atau mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memelihara kualiti kesihatan awam dan mencegah kekotoran daripada berlaku di dalam mana-mana kawasan Majlis.



(2) Mana-mana orang yang melakukan mana-mana perbuatan yang pada pendapat Yang Dipertua, boleh atau kemungkinan boleh menjejaskan atau mengganggu sesuatu keadaan atau kualiti kesihatan awam yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

4. (1) Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya, mengarahkan mana-mana tuanpunya atau penghuni mana-mana bangunan, di atas perbelanjaan mereka sendiri, supaya membersihkan atau mengecatkan semula mana-mana bangunan atau bahagian bangunan bagi mengelakkan sebarang kekotoran daripada berlaku.

Mengecat semula  
bangunan.

(2) Yang Dipertua boleh melantik mana-mana pihak untuk menjalankan mana-mana kerja-kerja mengecat semula mana-mana bangunan jika didapati arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini tidak, enggan atau gagal dipatuhi oleh mana-mana pihak yang diarahkan berbuat sedemikian.

5. (1) Tiada sesiapa pun boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang boleh mendatangkan kekotoran di mana-mana kawasan, premis, bangunan dan lain-lain tempat sama ada di mana-mana tempat awam ataupun tempat persendirian.

Melakukan  
kekotoran.

(2) Yang Dipertua boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang supaya mencegah atau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan kekotoran atau menyebabkan didatangi apa-apa kekotoran di mana-mana tempat awam atau persendirian.

(3) Yang Dipertua boleh mengarah atau mengambil mana-mana tindakan yang diperlukan termasuk memecah masuk ke dalam mana-mana kawasan, premis atau bangunan, bagi tujuan untuk mengambil tindakan bagi menghapus, mencegah daripada berlaku atau menghilangkan sesuatu kekotoran atau keadaan kekotoran yang ada di mana-mana tempat sama ada di tempat awam atau persendirian.

(4) Yang Dipertua boleh menutup atau menyebabkan ditutup mana-mana tempat termasuk dengan apa cara pun, dengan atau tanpa suatu perintah Mahkamah diperolehi baginya, mana-mana kawasan pembinaan, kedai, kilang, pejabat atau rumah yang pada pendapat Yang Dipertua berada di dalam suatu keadaan yang kotor atau menjadi punca kekotoran itu berlaku.

(5) Yang Dipertua boleh mengarahkan apa-apa tindakan atau mengambil apa-apa langkah yang diperlukan bagi menguatkuasakan mana-mana syarat atau arahan termasuk arahan penutupan di bawah undang-undang kecil ini.

(6) Mana-mana tempat yang diarahkan ditutup di bawah undang-undang kecil ini, hendaklah dengan serta merta, memberhentikan segala kerja-kerja yang dilakukannya melainkan telah dikecualikan oleh Yang Dipertua untuk berbuat demikian.



(7) Mana-mana tempat yang telah ditutup atau diarahkan tutup oleh Yang Dipertua tidak boleh dibuka semula melainkan dengan kebenaran Yang Dipertua.

Kekotoran  
daripada  
kenderaan  
sebagainya.

6. (1) Mana-mana kekotoran yang berlaku yang disebabkan terjatuh, tertumpah atau dibuangkannya, sama ada dengan sengaja atau tidak, apa-apa barang, cecair, simen atau lain-lain bahan daripada mana-mana kenderaan atau alat yang, sama ada yang bergerak atau tidak, maka pemandu, tuannya kenderaan dan mana-mana pihak yang telah mengarahkan kerja-kerja dilakukan dengan menggunakan kenderaan atau alat tersebut, adalah dianggap sebagai telah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Mana-mana kenderaan atau apa-apa alat yang digunakan oleh mana-mana orang yang mendatangkan kekotoran atau menyebabkan berlakunya kekotoran atau daripada mana sesuatu kekotoran itu terjatuh, tertumpah atau dibuangkan di mana-mana kawasan tempat atau jalan, boleh disita oleh mana-mana pegawai atau kakitangan Majlis dan dipindahkan ke suatu tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua untuk ditahan selama suatu tempoh yang ditetapkan baginya oleh pegawai yang diberi kuasa mengkompaun kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Penahanan  
barang.

7. Setiap barang yang ditahan di bawah undang-undang kecil ini adalah ditahan di atas risiko tuannya dan hanya boleh dilepaskan tertakluk kepada budibicara dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pegawai yang diberikuasa mengkompaun kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Perbelanjaan.

8. Majlis boleh menuntut semula apa-apa perbelanjaan yang terlibat bagi membiayai apa-apa kerja-kerja yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini.

Gantirugi.

9. Tiada sesiapa pun boleh menuntut apa-apa gantirugi atau perbelanjaan daripada Majlis ke atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada harta atau dirinya di atas mana-mana perbuatan Majlis, pegawai atau kakitangan Majlis yang melaksanakan mana-mana daripada peruntukan undang-undang kecil ini.

Kuasa  
menangkap.

10. Mana-mana orang yang melakukan atau disyaki cuba melakukan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang kecil ini boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau kakitangan Majlis yang diberikuasa menguatkuasakan undang-undang kecil ini.

Kesalahan.

11. Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya dan bagi suatu kesalahan yang dilakukan berterusan, denda sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan.

12. (1) Mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini boleh dikompaunkan dengan jumlah kompaun tidak melebihi satu ribu ringgit oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa mengkompaunkan kesalahan. Kompaun.

(2) Pegawai yang diberikan kuasa untuk mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang kecil ini ialah Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-undang.

13. Teks undang-undang kecil ini di dalam versi Bahasa Malaysia adalah teks yang sah dan jika terdapat apa-apa percanggahan di antara versi Bahasa Malaysia dengan versi Bahasa Inggeris undang-undang kecil ini maka versi Bahasa Malaysia adalah dianggap sebagai terpakai. Teks sah.

Diperbuat oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya di dalam mesyuarat pada 28 Jun 1997.

DATO' MOHD NOR BIN BADOR,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Petaling Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuaratnya pada 19 Mei 1999.

[IPK. Sel. 60222/7/18; P.U. Sel. Am/0160/3/c.]

ASMAWAR B. SAMAT,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Selangor*



---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
ANTI-LITTER (PETALING JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 1999

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-Laws

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Public health.
4. Building to be repainted.
5. Causing dirtiness.
6. Dirtiness caused by motor vehicles etc.
7. Detained items.
8. Expenses.
9. Damages.
10. Power of arrest.
11. Offences.
12. Compound.
13. Authoritative text.

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## ANTI-LITTER (PETALING JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY LAWS 1999

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Petaling Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws: *Act 171.*

1. These by-laws may be cited as the **Anti-Litter (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1999** and shall apply only to the area of Petaling Jaya Municipal Council. *Citation and application.*

2. (1) In these by-laws, unless the context otherwise requires— *Interpretation.*

“Act” means the Local Government Act 1976;

“building” includes any buildings owned by the Council, Government or any private party;

“Council” means the Petaling Jaya Municipal Council;

“dirtiness” means anything which in the opinion of the President includes matters that may cause or be the source of any dirty condition to the surrounding areas;

“equipment” includes appliance and machinery;

“Health Officer” means the Health Officer of the Council or any officer appointed by the President to carry out the responsibilities of a Health Officer;

“President” means the President of the Petaling Jaya Municipal Council;

“Public health” means any condition which in the opinion of the President includes matters in respect of public health.

3. (1) The President may issue any order and impose any conditions to be complied by any persons whatsoever to protect and to take necessary steps to safeguard the quality of public health and prevent filth from occurring at any Council area. *Public health.*

(2) Any person whatsoever committing any act which in the opinion of the President may or may be capable of affecting or disturbing a certain condition or quality of public health as prescribed by the President shall be guilty of an offence under these by-laws.

4. (1) The President may subject to his discretion, order any owner or occupant of any building whatsoever at their own expense to clean or repaint any building or any part thereof to prevent the building from being dirty. *Building to be repainted.*



(2) The President may appoint any party to carry out any repainting works on any building if such order issued under these by-laws is not observed, is refused to be obeyed or failed to be observed by any party ordered to carry out the same.

Causing dirtiness. 5. (1) No person shall commit or cause any act or omit to act that may cause dirtiness at any place, premises, building and other such places be it a public or private place.

(2) The President may order any persons whosoever to prevent or not to commit any acts that may attract or cause dirtiness in any public or private place.

(3) The President may order or take any action deemed necessary including forcing entry into any area, premises or building for the purpose of taking action to dispose and prevent from the occurrence of dirtiness or to discard any dirtiness or dirty condition at any place whatsoever be it a public or private place.

(4) The President may close or cause to be closed in any manner, with or without a Court Order obtained in respect thereof any construction ground, shop, factory, office or house deemed dirty by the President or is the source of the dirtiness.

(5) The President may order any action or take the necessary steps to implement any condition or order including any order of closure under these by-laws.

(6) Any place whatsoever that have been ordered closed under these by-laws, must immediately, put an end to all works in progression except those exempted by the President to do so.

(7) Any place that have been closed or ordered to be closed shall not reopen save and except with the authorisation of the President.

Dirtiness caused by motor vehicles etc. 6. (1) Any dirtiness that was caused due to droppings, spilling or thrown out whether with or without intention, any articles, liquid, cement or any material whatsoever from any vehicle or equipment be it moving or stationary therefore the driver, owner of the vehicle or any party that have ordered any work to be done with the use of the vehicle or equipment shall be guilty of an offence under these by-laws.

(2) Any vehicle or equipment used by any such person that have committed or caused any dirtiness to have fallen, spilled or thrown at any area, place or street may be seized by any officer or employee of the Council and removed to a place determined by the President to be detained for a period as determined by the officer vested with the power to compound offences under these by-laws.

Detained items. 7. Every item detained under these by-laws is detained at the owner's risk and shall only be released subject to the discretion and conditions



imposed by the officer vested with the power to compound the offences under these by-laws.

8. The Council may claim for whatever expenses incurred for the work done under these by-laws. Expenses.

9. No person whosoever shall claim for damages or costs for any damage to his property or injury to himself as a consequence of any action of the Council, its officers or employees in enforcing any of the provisions of these by-laws. Damages.

10. Any person whosoever committing or suspected of committing any offence under these by-laws may be arrested without warrant by any police officer or employee of the Council authorised to enforce the provisions of these by-laws. Power of arrest.

11. Any person whosoever contravening any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence and on conviction shall be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for term not exceeding one year or to such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence a fine not exceeding one thousand ringgit for each day the offence is continued. Offences.

12. (1) Any offences whatsoever committed under these by-laws may be issued with a compound for the amount not exceeding one thousand ringgit by any Compounding Officer. Compound.

(2) The power to issue compounds for any offences under these by-laws is vested upon the President, Secretary and Legal Officer.

13. The text of this Bahasa Malaysia version shall be the authoritative text and in the event of any conflict between the Bahasa Malaysia version of this and the English Language version of this, the Bahasa Malaysia version shall be regarded as prevailing. Authoritative text.

Made by the Petaling Jaya Municipal Council in the meeting on the 28 June 1997.

DATO' MOHD NOR BIN BADOR,  
*President,*  
*Petaling Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 19 May 1999.

[IPK. Sel. 60222/7/18; P.U. Sel. Am/0160/3/c.]

ASMAWAR B. SAMAT,  
*Clerk of State Executive Council,*  
*Selangor*